

17/02/2001

Isu IPF tolak tawaran MCA hangat didebat

Magendran Rajagopal

ISU parti Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF) menolak pelawaan MIC menyertainya masih hangat didebat akhbar Tamil tempatan yang rata-rata menganggap perkembangan itu memudaratkan masyarakat India secara umum.

Tamil Nesan (Nesan) menyifatkan referandum yang diadakan sempena Perhimpunan Agung IPF Kesembilan Ahad lalu sebagai sandiwara yang sengaja dirancang Presidennya, Datuk M G Pandithan, semata-mata untuk memalukan MIC.

Dalam referandum itu, hanya seorang saja mengundi untuk bergabung dengan MIC dan pilihan menyertai PPP juga menerima satu undi selain dua undi rosak manakala baki perwakilan seramai 2,954 mahu IPF dikekalkan. Pandithan tidak mengundi kononnya untuk tidak mempengaruhi perwakilan.

Keputusan terbabit bukan di luar jangkaan tetapi kiraan undi yang diperoleh MIC itu mengukuhkan lagi dakwaan sesetengah pihak bahawa keseluruhan proses pengundian adalah sandiwara yang direncana rapi oleh Pandithan.

Keputusan referandum itu bukan saja menjadi alasan Pandithan untuk kekal menerajui IPF, malah dimanfaatkan untuk menggambarkan sokongan di luar dugaan terhadap parti yang ditubuhkannya pada tahun 1990 itu.

Tidak kurang juga yang berpendapat tindakan Pandithan itu seolah-olah memberi tekanan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku pengerusi BN, menerima IPF sebagai parti komponen BN ke-15.

Tindakan Presiden PPP, Datuk M Kayveas cuba menangguk di air keruh dengan mengalu-alukan anggota IPF dan MIC yang kurang senang dengan penggabungan kedua-dua parti itu, turut menerima kecaman akhbar Tamil tempatan.

Perbuatan itu juga menimbulkan tanda tanya terhadap PPP yang selama ini menekankan bahawa ia parti pelbagai kaum tetapi tiba-tiba menukar rentak mengakui dirinya sebagai parti alternatif ketiga bagi masyarakat India.

Sementara itu, Samy Vellu berkata beliau mengambil iktibar daripada perbincangan perpaduan Melayu antara Umno dan Pas untuk mempelawa Pandithan menyertai MIC, sekali gus menganggotai keluarga BN.

Namun, katanya, tindakan Pandithan itu hanya merugikan IPF tanpa membawa sebarang kesan kepada keutuhan perpaduan masyarakat India secara umum atau di kalangan anggota MIC sendiri.

Dalam perkembangan lain, isu sekolah Tamil sekali lagi menjadi berita utama berikutan kenyataan Kesatuan Guru-Guru Sekolah Tamil Kebangsaan (NUTST), Shahul Hamid Mydin Shah, mengenai keadaan sekolah Tamil yang kebanyakannya serba kekurangan pelbagai kemudahan asas.

Malaysia Nanban (Nanban) melaporkan bahawa sesetengah premis menempatkan sekolah Tamil terlalu daif hingga agak mustahil bagi pelajar menerima pendidikan sempurna dan tidak layak dipanggil sekolah.

(END)